Asian Journal of Accounting and Governance 22(2024) ISSN2180-3838
e-ISSN2716-6060
(http://dx.doi.org/10.17576/AJAG-2024-22-5)

Hubungan Moral Cukai, Peranan Pihak Berkuasa Cukai dan Audit Keatas Pematuhan Cukai Dalam Kalangan Pelajar Sambilan di Institusi Pengajian Tinggi

(The Relationship of Tax Morality, the Role of Tax Authorities and Audit on Tax Compliance among Part-Time Students in Higher Education Institutions)

FAIZAH MAHAT, SOLIHA SANUSI, ROZANA SAEDON & AZIATUL WAZNAH GHAZALI

ABSTRAK

Pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi boleh diklasifikasikan sebagai pembayar cukai kerana mereka sedang bekerja sambil menimba ilmu. Maka, ia sangat penting untuk menilai tahap pematuhan mereka terhadap cukai bagi memastikan masalah seperti pembayaran cukai yang tepat dan baik dapat diselesaikan pada masa depan. Maka, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara moral cukai, peranan pihak berkuasa cukai, penguatkuasaaan dan audit cukai terhadap pematuhan cukai dalam kalangan pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Borang soal selidik, yang terdiri daripada 3 bahagian mengenai pematuhan cukai dan 3 item bagi pemboleh ubah bebas diedarkan dan dijawab oleh 116 responden secara atas talian. Beberapa analisis menggunakan Smart PLS v4 telah dilakukan untuk memastikankesinambungan dapatan data. Keputusan menunjukkan moral cukai dan peranan pihak berkuasa cukai mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pematuhan cukai dalam kalangan pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi. Sementara itu, penguatkuasaan dan audit cukai adalah tidak signifikan dalam kajian ini. Hasil kajian ini boleh digunakan oleh kerajaan, pihak berkuasa cukai, agen cukai dan institusi pendidikan dalam merangka pelan pencegahan secara holistik terutamanya kepada pelajar di usia muda.

Kata kunci: Pematuhan cukai; moral cukai; pihak berkuasa cukai dan audit cukai; Smart PLS

ABSTRACT

Part-time students in higher education institutions can be classified as taxpayers because they work while gaining knowledge. Therefore, it is very important to assess their level of compliance with taxes to ensure that problems such as accurate and good tax payments are resolved in the future. Thus, this study aims to examine the relationship between tax morality, the role of tax authorities, enforcement and tax audits on tax compliance among part-time students in higher education institutions in Malaysia. The questionnaire, consisting of 3 sections on tax compliance and three constructs for independent variables, was distributed and answered by 116 respondents online. Several analyses using Smart PLS v4 have been done to ensure the continuity of data findings. The results show that tax morality and the role of tax authorities significantly influence tax compliance among part-time students in higher education institutions. Meanwhile, tax enforcement and audits were insignificant in this study. The results of this study can be used by the government, tax authorities, tax agents, and educational institutions to draw up a holistic prevention plan, especially for students at a young age.

Keywords: Tax compliance; tax morals; tax authorities; tax audits; Smart PLS

LATAR BELAKANG

Cukai didefinisikan sebagai caj wajib yang dikenakan oleh kerajaan tanpa jangkaan pulangan langsung faedah kepada pembayar cukai (Tehulu et al. 2014; Tilahun 2019). Cukai dijadikan kewajipan kepada rakyat untuk membayarnya sekiranya mereka berupaya untuk membayar cukai. Cukai terdiri daripada cukai langsung dan cukai tidak langsung dan dibayar dalam bentuk wang. Hasil cukai digunakan oleh kerajaan untuk membiayai semua infrastruktur awam dan pentadbiran Kerajaan dan ia merupakan sebahagian besar daripada sumber kewangan kerajaan untuk pelaksanaan sesuatu projek dan program (Akumbo et al. 2020). Hasil cukai amat penting kerana ia dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kekayaan negara malah membantu menghapuskan defisit belanjawan.

Kebanyakan hasil kerajaan persekutuan adalah dari sumber cukai yang dikutip dari pihak awam. Dalam erti kata lain, operasi agensi kerajaan dibiayai oleh pihak awam. Di Malaysia, sumber utama pendapatan cukai adalah daripada cukai langsung yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN). Menurut Laporan Tinjauan Hasil dan Anggaran Hasil Kerajaan 2023, hasil kerajaan Persekutuan telah mencatatkan peningkatan

pada tahun 2022 sebanyak 25.9% iaitu RM294.4 bilion disebabkan oleh kutipan cukai yang lebih baik (Kementerian Kewangan Malaysia 2022). Hasil cukai menjadi penyumbang utama kepada keseluruhan hasil yang dikutip merangkumi 11.7% dari Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan 70.9% dari jumlah hasil. Hasil cukai diunjur kurang kepada 1.0% pada tahun 2023 dengan 15.4% daripada KDNK.

Walau bagaimanapun, setiap negara berdepan dengan masalah pematuhan cukai yang disebabkan oleh pengetahuan tentang cukai yang masih rendah (Hassan et al. 2016; Mohamad et al. 2017). Pemahaman masyarakat berkaitan pelaksanaan sistem taksiran sendiri diukur berdasarkan pemahaman pembayar cukai mengenai kewajipan mendaftar, mengira, membayar, dan melaporkan cukai yang perlu dibayar. Sekiranya pembayar cukai patuh, kebarangkalian hasil cukai dapat ditingkatkan adalah tinggi. Hasil negara akan terjejas jika tiada mekanisme kawalan untuk menghalang aktiviti ketidakpatuhan cukai. Ketidakpatuhan cukai akan menyebabkan kekurangan hasil cukai, yang akan menjejaskan pembangunan negara serta kebajikan rakyat.

Kajian mengenai pematuhan cukai telah banyak dijalankan pada masa lalu seperti Sanusi et al. (2021), Alm et al. (2023), (Hamid et al. 2022), dan Hassan et al. (2021). Kajian-kajian ini melibatkan pekerja individu, syarikat atau pemilik syarikat. Namun begitu, pemahaman ke atas tingkah laku pematuhan cukai pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi adalah penting kerana mereka mempunyai pelbagai tanggungjawab yang mempengaruhi sikap mereka terhadap pematuhan cukai. Ini adalah kerana mereka yang berada dalam fasa peralihan dan pendedahan awal kepada pendidikan cukai boleh membawa kepada tingkah laku pematuhan jangka panjang yang lebih baik (De Neve et al. 2021). Selain itu, pemahaman mereka tentang tanggungjawab cukai boleh membantu membangunkan strategi pentadbiran cukai dan sistem sokongan yang berkesan sekaligus meningkatkan kecekapan sistem cukai dalam mengenal pasti jurang dan halangan kepada pematuhan dalam konteks kepercayaan dan kerjasama antara orang awam dan pihak berkuasa cukai (Okanga 2020). Namun, jarang ditemui kajian pelajar sambilan yang bekerja sebagai responden dalam bidang pematuhan cukai. Sebahagian mereka telah bekerja dan mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk membayar cukai kepada LHDN namun faktor kesedaran agak kurang dikalangan mereka.

Faktor-faktor seperti pengetahuan cukai dan sikap juga telah dibincangkan oleh beberapa penyelidik namun terdapat juga penyelidikan yang kurang mendalam mengenai beberapa penentu kritikal pembolehubah terutamanya di negara membangun, contohnya Malaysia seperti moral cukai, kerumitan percukaian dan peranan pihak berkuasa. Maka, objektif kajian ini adalah untuk menyelidiki beberapa faktor tertentu seperti moral cukai, peranan pihak berkuasa percukaian dan penguatkuasaan dan audit cukai terhadap pematuhan cukai dikalangan pelajar sambilan (yang bekerja) di universiti. Faktor-faktor ini banyak dibincangkan dalam Teori Peraturan Berasaskan Tindakbalas (Barak-Corren et al. 2021).

Sumbangan kajian ini adalah percubaan untuk mengisi kelemahan dengan menggunakan faktor-faktor yang akan mempengaruhi tahap pematuhan dalam kalangan pelajar pendidikan tinggi secara sambilan terhadap pembayaran cukai. Kajian ini secara tidak langsung memupuk kesedaran mengenai percukaian terutamanya dalam kalangan pelajar sambilan agar mereka mematuhi peraturan dan undang-undang cukai kerana mereka telah memasuki pasaran kerja. Penyelidikan ini diharap memberi impak berharga kepada ahli akademik, orang awam, pihak berkuasa cukai, pembuat dasar dan pembangunan ekonomi negara. Hasil kajian berkaitan moral cukai boleh mendorong orang ramai untuk terus menyumbang kearah pematuhan cukai yang baik kerana terapan ilmu cukai yang diperolehi dari pelbagai sudut. Penguatkuasaan dan audit yang dijalankan oleh pihak berkuasa cukai terutama LHDN akan memberikan peningkatan kepada hasil cukai negara kerana LHDN telah menyediakan pelbagai program bagi mempertingkatkan pengetahuan dan pemahaman masyarakat betapa pentingnya pembayaran cukai terhadap pembangunan negara.

KAJIAN LITERATUR

Cukai merupakan sumbangan mandatori yang dikenakan ke atas individu atau syarikat oleh entiti kerajaan sama ada tempatan, serantau, atau nasional (Gorton 2023). Setiap negara sering berdepan dengan masalah pematuhan cukai disebabkan oleh pengetahuan cukai yang masih rendah. Beliau menyatakan, hasil cukai digunakan untuk membiayai aktiviti kerajaan, termasuk kerja-kerja awam dan perkhidmatan seperti jalan raya, sekolah, hospital atau program yang melibatkan kesejahteraan rakyat. Pemahaman rakyat berkaitan pelaksanaan sistem taksiran sendiri diukur berdasarkan pemahaman pembayar cukai mengenai kewajipan dalam mengira, membayar, dan melaporkan cukai yang perlu dibayar. Terdapat sesetengah pihak yang tidak mahu membayar cukai, yang menyebabkan kesukaran bagi pihak berkuasa cukai untuk mengenakan dan mengutip cukai. Malah, ketidakpatuhan cukai merupakan masalah yang biasa dan sangat kritikal dalam pentadbiran. Ini kerana, rakyat merasakan mereka tidak mengetahui ke mana perginya cukai yang telah dibayar disalurkan. Kekurangan pengetahuan cukai ini merupakan faktor yang sangat mendorong kepada kurangnya pembayaran cukai di Malaysia (Ahmad et al. 2021).

Kekurangan pengetahuan mengenai cukai ini menyebabkan ketidakpatuhan cukai berlaku dalam kalangan pembayar cukai. Pengelakan cukai atau ketidakpatuhan cukai timbul apabila pembayar cukai gagal mematuhi undang-undang cukai atau memenuhi kewajipan cukai mereka dengan cara sengaja atau tidak sengaja disebabkan

pelbagai faktor. Antara lain, pengetahuan, kos pematuhan dan pencegahan pembayar cukai adalah pembolehubah dominan yang sering dipertikaikan. Ketidakpatuhan cukai masih wujud walaupun banyak aktiviti pencegahan cukai telah dilakukan bagi menangani isu pematuhan ini (Manual et al. 2016).

Adakalanya, aktiviti ketidakpatuhan cukai berkembang dengan cara yang lebih rumit dan berkait rapat dengan jenayah terancang, skandal kolar putih dan ekonomi bawah tanah. Pengelakan cukai yang tinggi berlaku apabila pembayar cukai tidak melaporkan pendapatannya sama sekali. Punca pembayar cukai mengelakkan cukai biasanya disebabkan persepsi bahawa cukai adalah beban yang akan mengurangkan keupayaan ekonomi seseorang (Rantelangi et al. 2018). Ia juga berlaku melalui pelbagai jenis manipulasi seperti perakaunan kreatif dan pengurusan pendapatan. Kerajaan Malaysia telah menganggarkan saiz ekonomi bayangan adalah sekitar 21% daripada KDNK negara untuk tahun terkini (Muzamir 2023). Ekonomi bayangan yang merujuk kepada kegiatan perniagaan yang tidak didaftarkan serta kegiatan perniagaan haram yang dilaksanakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab termasuk penyeludupan dadah, pelacuran serta pemerdagangan manusia. Malah, aktiviti sektor formal yang tidak didaftarkan seperti pempengaruh sosial, urusniaga tunai tanpa rekod dan pekerja asing yang tidak melaporkan pendapatan kepada LHDN juga termasuk dalam aktiviti ekonomi bayangan. Ini menunjukkan banyak kerugian yang dialami oleh negara akibat kehilangan hasil cukai tersebut. Menurut LHDN, sebanyak RM70 bilion hasil cukai dianggarkan hilang setiap tahun akibat dari ekonomi bayangan yang menguasai pasaran ekonomi Malaysia (Muzamir 2023). Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Dr Mohd Nizom Sairi, juga berkata bahawa sebanyak 894,027 kes gagal patuh borang nyata membabitkan taksiran dibangkitkan bernilai RM6.09 bilion diselesaikan antara 2020 hingga tahun 2022 (Muzamir 2023). Ini menunjukkan terdapat banyak bayaran cukai tidak dibayar kepada LHDN. Ia akan mewujudkan jurang cukai yang seharusnya diatasi kerana kutipan cukai tersebut digunakan untuk memajukan negara dan pembangunan sosial masyarakat.

Maka dengan itu, fokus dalam kajian ini adalah faktor-faktor seperti moral cukai, peranan pihak berkuasa cukai serta penguatkuasaan dan audit cukai yang akan mempengaruhi pematuhan cukai dalam kalangan pelajar sambilan di institusi pendidikan tinggi.

MORAL CUKAI

Moral cukai atau semangat cukai yang membawa maksud persepsi rakyat bahawa membayar cukai adalah perkara yang betul untuk dilakukan. Semangat cukai berkaitan dengan kualiti tadbir urus adalah merupakan dimensi pematuhan cukai yang paling kurang difahami namun ia adalah perkara paling asas. Moral cukai boleh ditafsirkan sebagai persepsi pembayar cukai terhadap kewajipan membayar cukai (Azmi et al. 2020). Semangat cukai merupakan motivasi intrinsik untuk membayar cukai, juga menjadi aspek penting dalam sistem cukai, kerana kebanyakan sistem cukai bergantung pada pematuhan sukarela pembayar cukai untuk sebahagian besar pendapatan mereka. Oleh itu, peningkatan semangat cukai berpotensi untuk meningkatkan pendapatan cukai negara. Moral cukai boleh dinyatakan sebagai faktor tingkah laku kognitif dengan unsur-unsur emosi penting yang dipengaruhi oleh pendidikan, pengetahuan dan pemahaman (Obongo 2020). Di samping itu, semangat cukai merupakan sebahagian daripada motivasi mengikut kepercayaan agama atau nilai moral untuk membayar cukai (Luttmer et al. 2014). Antara faktor yang dikenalpasti mampu menjejaskan kesedaran cukai, adalah seperti pengetahuan cukai, sikap peribadi dan semangat cukai. Semua faktor ini adalah berkaitan dengan pembayar cukai dan motivasi mereka (Sanusi et al. 2021).

Tidak ada cara mudah untuk mengukur semangat cukai dalam kalangan pembayar cukai individu mahupun perniagaan. Individu yang lebih tua, lebih berpendidikan dan wanita menunjukkan semangat cukai yang lebih tinggi dan ini menonjolkan potensi program pendidikan pembayar cukai untuk warga muda yang kurang berpendidikan (Martinez et al. 2021).

Program pendidikan pembayar cukai boleh dimaklumkan melalui data moral cukai. Terdapat kajian yang menyerlahkan bagaimana semangat cukai berbeza pada pelbagai peringkat masyarakat, menunjukkan keperluan yang pelbagai untuk pendidikan pembayar cukai. Sebagai contoh, semangat cukai yang lebih rendah dalam kalangan anak muda mencadangkan peranan untuk program pendidikan pembayar cukai diintegrasikan ke dalam kurikulum sekolah. Mengikut *Building Tax Culture, Compliance and Citizenship* (2015), beberapa inisiatif pendidikan pembayar cukai dicadangkan. Antaranya ialah pendidikan pembayar cukai kepada kanak-kanak di beberapa negara termasuk Malaysia. Terdapat juga beberapa negara yang berusaha menggabungkan pemahaman tentang kontrak fiskal dengan menghubungkan peranan pihak berkuasa cukai dan kemudahan membayar cukai.

PERANAN PIHAK BERKUASA CUKAI

Menurut Faizal et al. (2017), kepercayaan kepada pihak berkuasa cukai akan membantu meningkatkan pematuhan cukai. Batrancea et al. (2019) pula menyatakan bahawa kepercayaan kepada pihak berkuasa cukai bukan sahaja meningkatkan pematuhan, malah ianya dapat mengurangkan pengelakan cukai. Kajian Gangl et al. (2015) dan Gangl et al. (2016) pula menyokong kepercayaan dan tanggungjawab moral yang tersirat dalam memupuk keyakinan dan meningkatkan kerjasama yang komited dalam masyarakat. Ia bagi membolehkan pembayar cukai

percaya bahawa pentadbir (kerajaan) bekerja untuk kebaikan masyarakat, dan pembayar cukai membalas dengan menyumbang sebagai ahli masyarakat. Kajian dari Palil et al. (2013) membuktikan bahawa persepsi terhadap perbelanjaan kerajaan dan peranan cekap yang dimainkan oleh pihak berkuasa cukai merupakan penentu penting memupuk tingkah laku pematuhan cukai dalam kalangan individu pembayar cukai di Malaysia.

Menurut Sebele-Mpofu (2020) pula, kualiti tadbir urus awam adalah proses dimana kepimpinan negara dipilih, dinilai dan diganti berdasarkan cara yang berkesan dan cekap dalam mentadbir sumber negara secara adil dan saksama oleh kerajaan. Maka, hubungan antara orang ramai dan pihak berkuasa cukai yang baik akan membantu orang awam untuk mematuhi pembayaran cukai berdasarkan kontrak sosial yang tersirat. Rakyat akan dilihat memberikan sokongan kepada kerajaan melalui pembayaran cukai yang baik, kerana mereka mempunyai hak untuk mengetahui apa yang berlaku kepada cukai, bagaimana ia digunakan dan penerimaan faedah ketara yang diterima (Vlachos & Bitzenis 2018; Williams 2020). Tadbir urus yang baik oleh pihak berkuasa cukai menghasilkan sistem cukai yang adil dan seimbang dan akan mempengaruhi semangat cukai dan pematuhan cukai.

Peranan pihak berkuasa cukai seperti Lembaga LHDN perlu mewujudkan kesedaran dalam kalangan orang ramai dan pembayar cukai dari semasa ke semasa (Sanusi et al. 2018). Ini sangat penting untuk memupuk budaya pematuhan cukai dalam kalangan masyarakat. Mereka perlu aktif menganjurkan program untuk memupuk dan berinteraksi tentang keperluan cukai dalam kalangan orang ramai. Mereka seharusnya bekerja rapat dengan orang awam, sekolah, atau institusi pengajian tinggi. Inisiatif LHDN telah melibatkan pengukuhan penguatkuasaan termasuk fungsi siasatan, pengauditan, risikan dan pengesanan telah meninggalkan impak kepada kutipan cukai. Pencapaian cemerlang ini disokong oleh peningkatan pematuhan cukai secara sukarela dalam kalangan orang ramai berikutan program pendidikan dan kesedaran yang dilaksanakan oleh LHDN.

Selain itu, program latihan dan pembangunan kakitangan yang berterusan dalam kalangan pegawai dapat menambah nilai, kualiti dan profesionalisme pegawai dalam menangani pelbagai aspek masalah, kes dan tingkah laku pembayar cukai. Pihak berkuasa cukai perlu membina keyakinan pembayar cukai terhadap sistem cukai semasa dan menyelaraskan sistem cukai untuk mengurangkan kerumitan cukai. Ini akan membuat pembayar cukai membayar cukai yang betul dan tepat pada masanya (Hayat et al. 2022).

PENGUATKUASAAN DAN AUDIT CUKAI

Audit cukai ditakrifkan sebagai pemeriksaan rekod perniagaan dan hal ehwal kewangan pembayar cukai untuk memastikan pendapatan yang sepatutnya dilaporkan dan cukai yang sepatutnya dikira serta dibayar adalah mengikut undang-undang dan peraturan percukaian. Audit cukai merupakan aktiviti utama LHDN bagi meningkatkan pematuhan cukai secara. LHDN menjalankan dua (2) jenis audit, iaitu audit meja dan audit luar.

Hasil audit syarikat yang dilaksanakan menunjukkan terdapat pertambahan cukai dan penalti berjumlah RM16.35 bilion yang boleh dikutip oleh LHDN seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (2020). Menurut Oladipupo et al. (2016), faktor pencegahan seperti kebarangkalian diaudit dan dikesan oleh pihak berkuasa cukai didapati dapat mengurangkan ketidakpatuhan dalam kalangan pembayar cukai. Semakin tinggi penalti, semakin besar pengelakan cukai yang berpotensi dapat dicegah. Tahap audit cukai boleh ditentukan oleh dua elemen: pertama, ialah berapa banyak pembayar cukai yang dipilih untuk audit, dan yang kedua ialah berapa banyak intensif audit. Elemen pertama mudah diukur dengan bilangan pembayar cukai yang diaudit dibahagikan dengan jumlah pembayar cukai. Namun begitu, elemen kedua, intensif audit sangat sukar diukur kerana tidak diterbitkan maklumat mengenai proses audit cukai. Kebiasaannya ia diukur melalui elemen pertama untuk menunjukkan tahap audit cukai sebagai perbandingan yang praktikal (Hyun et al. 2005). Audit cukai juga dilihat akan meningkatkan kos pentadbiran cukai kepada kerajaan.

PEMATUHAN CUKAI

Pematuhan cukai sering menjadi kebimbangan kepada pembayar cukai sama ada individu mahupun syarikat. Pematuhan cukai merujuk kepada keputusan pembayar cukai untuk mematuhi undang-undang dan peraturan cukai negeri, persekutuan, dan antarabangsa. Anto et al. (2021) menyatakan, pematuhan cukai ditakrifkan sebagai keperluan pembayar cukai memenuhi semua kewajipan cukai. Pembayar cukai dikatakan patuh jika pembayar cukai tidak mempunyai tunggakan atau kelewatan dalam membayar cukai. Pematuhan cukai menurut Kusuma et al. (2019), ditakrifkan sebagai mengemukakan maklumat cukai yang diperlukan, mengisi dengan betul jumlah cukai yang terhutang, serta membayar cukai tepat pada masanya tanpa paksaan. Selain itu, semakin tinggi ketepatan masa pulangan cukai, maka semakin tinggi tahap pematuhan cukai. Melalui pemerhatian langsung, kefahaman kegunaan hasil cukai untuk pembangunan meningkat Justeru itu, pembayar cukai dijangka akan lebih patuh dalam membayar cukai. Oleh itu, semakin tinggi kesedaran cukai, semakin baik pemahaman tentang kewajipan cukai dapat meningkatkan pematuhan (Hashim et al. 2022).

Aspek yang paling berpengaruh dalam pematuhan cukai adalah peningkatan pengetahuan dan pemahaman tentang peraturan cukai kerana kutipan cukai adalah berdasarkan undang-undang. Melalui undang-undang dan

peraturan cukai, terutamanya pengenaan sekatan, ia boleh meningkatkan pematuhan pembayar cukai dalam menjalankan kewajipan cukainya (Rahayu et al. 2017). Hayat et al. (2022) menyatakan kerumitan cukai dilihat pada tahap instrumen cukai dan undang-undang cukai. Kerumitan ini akan meningkatkan ketidakpatuhan cukai. Untuk kajian ini, pematuhan cukai akan menggunakan elemen pembayaran cukai, penghantaran borang cukai dan pendedahan transaksi semasa penghantaran borang cukai ke LHDN.

PEMBANGUNAN HIPOTESIS

Semangat cukai atau moral cukai adalah topik yang menarik untuk dibincangkan kerana ia memeriksa sejauh mana moral cukai boleh membantu meningkatkan pematuhan cukai melalui aspek-aspek dari sains sosial seperti psikologi sosial atau sosiologi. Kajian Schmölders (1960) melihat semangat cukai sebagai sikap mengenai pematuhan cukai. Dalam kaji selidik mereka, pengkaji menggunakan beban cukai sebagai petunjuk untuk tahap semangat cukai dan mendapati bahawa orang yang bekerja sendiri mempunyai semangat cukai yang lebih rendah berbanding mereka yang bekerja dalam syarikat. Pengkaji menyatakan bahawa jika pegawai cukai memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pembayar cukai, ia dapat membantu memupuk semangat cukai dan boleh mengurangkan kos pematuhan cukai.

Moral cukai lebih daripada kepercayaan moral peribadi. Ini termasuk tindakan yang mungkin tidak sesuai dengan kepercayaan mereka. Kajian terdahulu menunjukkan data semangat cukai yang lebih rendah dalam kalangan anak muda. Maka, program pendidikan pembayar cukai dicadangkan untuk diintegrasikan ke dalam kurikulum sekolah (LHDN 2023).

Kajian lepas dari Obongo (2020) menunjukkan yang semangat cukai mempunyai hubungan terhadap pematuhan cukai. Peningkatan dalam moral cukai akan mendorong kepada kenaikan dalam pematuhan cukai (Ghani et al. 2020). Tumpuan kepada semangat cukai harus melengkapkan, bukan menggantikan, usaha lain untuk meningkatkan pematuhan. Moral cukai membentuk sebahagian daripada keputusan pematuhan individu, dan ianya perlu dipertimbangkan bersama faktor lain seperti penguatkuasaan. Semangat pembayar cukai yang lebih tinggi bermakna pematuhan cukai yang lebih baik. Malah, cerapan ini dapat membantu penggubal dasar dan kerajaan untuk menyedari bahawa mekanisme tadbir urus yang ideal melalui persekitaran dasar yang stabil adalah penting untuk meningkatkan pematuhan cukai.

Berdasarkan faktor pembolehubah yang dinyatakan di atas, hipotesis dibawah telah dibangunkan dalam kajian ini iaitu:

H_1 Moral cukai mempengaruhi secara signifikan pematuhan cukai dalam kalangan pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi.

Hipotesis seterusnya dibangunkan berdasarkan kajian-kajian terdahulu yang berpendapat bahawa ramai orang meragui peranan penguatkuasa cukai dalam mengutip cukai. Menurut Braithwaite (2017) dan Braithwaite (2009), orang ramai mendakwa bahawa penguatkuasaan mengutip cukai perlu diperbaiki dan dipandang lebih serius oleh LHDN. Ini memberikan impak bahawa akauntabiliti perkhidmatan awam berada dalam keadaan yang sangat baik apabila diperhatikan daripada petunjuk bukti fizikal, kebolehpercayaan, responsif, jaminan dan empati orang ramai semasa proses pembayaran cukai (Anto et al. 2021). Namun, penguatkuasaan cukai bukan satu perkara yang digemari oleh pembayar cukai kerana mereka harus mengeluarkan sebahagian pendapatan mereka untuk negara. Ini mungkin berbeza daripada negara maju yang lebih terbuka untuk membayar cukai walaupun kadar cukainya lebih tinggi berbanding di Malaysia.

Kepercayaan kepada pihak kerajaan mempunyai kaitan dengan politik dan boleh ditakrifkan sebagai tahap kepercayaan antara pembayar cukai dan pegawai cukai di bawah pihak berkuasa kerajaan (Musau 2015). Menurut Lisi (2015), meningkatkan kuasa pihak berkuasa cukai adalah cara yang terbaik untuk meningkatkan kepatuhan cukai dalam kalangan pembayar cukai. Selain itu, kestabilan politik juga penting dalam menentukan tingkah laku pematuhan cukai. Ini membolehkan kerajaan meningkatkan reputasi dan kredibiliti mereka dalam mendapatkan kepercayaan daripada pembayar cukai (Palil 2010). Peranan pihak berkuasa cukai disini boleh ditakrif sebagai tanggungjawab pegawai LHDN dalam menyediakan maklumat dan menguruskan proses berkenaan percukaian. Hipotesis kedua yang dibangunkan adalah:

H_2 Peranan pihak berkuasa cukai mempengaruhi secara signifikan pematuhan cukai dalam kalangan pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi.

Risiko audit dapat ditangani dengan mengawal persekitaran penguatkuasaan dengan menyediakan ekperimen makmal. Kajian eksperimen secara konsisten menunjukkan bahawa kadar penalti dan kebarangkalian audit mempunyai pengaruh terhadap pematuhan cukai menurut James et al. (1998).

Pengauditan yang dijalankan oleh LHDN bagi meningkatkan pematuhan cukai dalam kalangan rakyat Malaysia terbukti meningkatkan hasil cukai (Abu Hassan et al. 2023). Selain itu, tahap pematuhan cukai juga

dapat ditingkatkan kerana orang ramai mula merasa takut sekiranya mereka tidak membayar cukai dan dikenakan tindakan atas kesalahan itu. Berdasarkan pernyataan ini, hipotesis ketiga telah dibangunkan iaitu:

H_3 Penguatkuasaan dan audit cukai mempengaruhi secara signifikan pematuhan cukai dalam kalangan pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi.

KONSEP RANGKA KERJA

Kajian ini menggunakan penyelidikan kuantitatif untuk mengetahui hubungan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bergantung. Penyelidikan ini bergantung terutamanya kepada pengumpulan dan analisis maklumat berangka. Hubungan hipotesis digambarkan dalam Rajah 1 di bawah. Pembolehubah bebas iaitu moral cukai, peranan pihak berkuasa cukai dan penguatkuasaan dan audit cukai serta pemboleh ubah bersandar iaitu pematuhan cukai dalam kalangan pembayar cukai iaitu pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi di Malaysia.



RAJAH 1. Konsep rangka kerja

Pembolehubah bebas utama dalam kajian ini merupakan moral cukai yang mempengaruhi pematuhan cukai pembayar cukai yang mengetahui tanggungjawab mereka sebagai warganegara yang baik.

Yang kedua adalah peranan pihak berkuasa cukai dalam meningkatkan kesedaran cukai dalam kalangan masyarakat. Rakyat perlu sedar peranan dan kewujudan LHDN. Faktor terakhir adalah penguatkuasaan dan audit cukai. Program audit cukai adalah untuk menggalakkan pematuhan sukarela perundangan cukai oleh pembayar cukai bagi mencapai matlamat bagi mengingatkan pembayar cukai tentang risiko ketidakpatuhan serta menyakinkan masyarakat bahawa penyalahgunaan undang-undang cukai yang serius akan dihukum dengan sewajarnya apabila dikesan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian adalah berbentuk kuantitatif yang mana menggunakan borang soal selidik berstruktur melalui *Google Form* dan diedarkan kepada 384 responden terdiri daripada pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi antaranya seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Universiti Tunku Abdul Rahman di Malaysia melalui emel, WhatApps dan Telegram. Kaji selidik menyediakan sumber maklumat tentang semangat cukai. Ini membantu menyiasat dan menguji satu set teori yang berkaitan semangat cukai. Dalam analisis multivariat ia boleh dianalisis bentuk-bentuk semangat cukai.

Pelajar sambilan pascasiswazah dari institusi pengajian tinggi, merupakan responden yang disasarkan dalam kajian ini mereka merupakan golongan yang telah bekerja dan mempunyai pendapatan. Kajian ini boleh menyumbang kepada bidang percukaian dan secara tidak langsung dapat memupuk kesedaran mengenai percukaian terutamanya dalam kalangan pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi di Malaysia supaya mereka mematuhi peraturan dan undang-undang cukai. Melalui kajian ini, adalah diharapkan ia boleh memberikan beberapa idea dan bukti untuk kajian masa depan dalam menangani isu-isu yang terdapat dalam pematuhan cukai di kalangan generasi muda. Tahap pematuhan cukai yang rendah bermakna sesuatu perlu dilakukan dengan sistem cukai dan pendekatan cukai di Malaysia dalam mempersiapkan negara ke arah status negara maju pada masa hadapan.

Analisis borang soal selidik dijalankan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 28 dan *Partial Lease Square* (PLS) versi 4. Kajian ini menggunakan soal selidik yang dibentuk berdasarkan instrumen sedia ada yang dibangunkan dan digunakan oleh kajian terdahulu seperti Alm dan Torgler (2006) bagi faktor moral cukai dan peranan pihak berkuasa cukai dengan pengolahan yang bersesuaian dengan persekitaran

percukaian individu di Malaysia. Bagi penguatkuasaan dan pengauditan cukai serta pematuhan cukai, penyataan didalam soal selidik banyak berdasarkan kajian oleh Sanusi et al. (2018) dan Mohd Isa (2012). Soalan berkenaan pematuhan cukai adalah berasaskan senario dan pernyataan yang diberikan. Responden diminta untuk menilai sejauh mana mereka bersetuju pematuhan cukai dipengaruhi oleh moral cukai, peranan pihak berkuasa cukai, dan penguatkuasaan dan pengauditan cukai. Kajian ini mengikut penggunaan skala likert oleh Khalid et. al (2016) dalam sektor awam yang hanya menggunakan skala 1 sehingga 5 sahaja merangkumi 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (sederhana), 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju).

Instrumen kajian mengandungi lima (5) bahagian iaitu faktor demografi, faktor pembolehubah bebas moral cukai, peranan pihak berkuasa cukai, penguatkuasaan dan audit dan pematuhan cukai. Bagi pematuhan cukai, soal selidik dilibatkan kepada tiga perkara bagi mengukur faktor tersebut. Tiga perkara tersebut adalah penghantaran borang cukai, pendedahan transaksi dan pembayaran cukai kepada pihak LHDN. Antara contoh soalan yang ditanyakan kepada responden bagi pematuhan cukai ialah 'saya akan melaporkan pendapatan cukai sebenar saya', saya akan membayar jumlah cukai tertunggak yang sebenar, jika ada dan 'saya akan mematuhi semua perintah dan peraturan cukai yang termaktub dalam akta-akta di Malaysia'. Bagi moral cukai, antara soalan yang ditanya ialah 'saya percaya bahawa membayar cukai adalah tindakan yang betul dilakukan sebagai seorang warganegara yang baik'. Bagi peranan pihak berkuasa cukai, antara pernyataan yang ditanya ialah 'LHDN telah menyediakan banyak maklumat berkenaan cukai kepada orang awam'. 'Penguatkuasaan undang-undang mempunyai kesan ke atas pematuhan pembayar cukai' pula adalah contoh soalan bagi penguatkuasaan dan audit.

HASIL DAPATAN

ANALISIS DATA

Bahagian ini membincangkan analisis data yang digunakan untuk menjana hasil. Analisis deskriptif digunakan untuk faktor demografi dan kedua-dua pembolehubah bebas dan pembolehubah bergantung. Kajian ini juga akan menggunakan kaedah bootstrapping untuk menentukan kesan pembolehubah bebas iaitu semangat cukai peranan pihak berkuasa, audit cukai ke atas pemboleh ubah bergantung iaitu tahap kepatuhan cukai dikalangan pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi.

Terdapat ramai pelajar sambilan untuk program sarjana di Malaysia dan berdasarkan Krejcie dan Morgan (1970), 384 borang soal selidik telah diedarkan secara rawak selama tiga bulan pada tahun 2023. Namun begitu, hanya 134 responden yang mengambil bahagian dalam menjawab soal selidik. Walau bagaimanapun, hanya 116 soal selidik (30.2%) yang boleh digunapakai dalam kajian ini. Mengikut Mumtaz et al. (2020) setiap satu pembolehubah bebas memerlukan responden sebanyak 15-20, maka responden yang diterima untuk kajian ini mencukupi.

JADUAL 1. Profil responden

Perincian	Kategori	Kekerapan N=116	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	43	37.1
	Perempuan	73	62.9
Umur	20-30 tahun	28	24.1
	31-40 tahun	47	40.5
	41-50 tahun	34	29.3
	51 tahun ke atas	7	6.0
Status Perkahwinan	Bujang	32	27.6
	Berkahwin	79	68.1
	Bercerai	5	4.3
Sektor pekerjaan	Kerajan	24	20.7
	Swasta	68	58.6
	Badan Berkanun	18	15.5
	Lain-lain	6	5.2

Jadual 1 menunjukkan bahawa daripada 116 responden, 73 responden ialah wanita yang menyumbang kepada 62.9%. Hanya 43 responden lelaki mewakili 37.1% daripada keseluruhan sampel kajian. Dari Jadual 1, responden dalam lingkungan umur 31-40 tahun memberikan kekerapan tertinggi sebanyak 40.5% dengan 68.1% dari jumlah responden telah berkahwin. Bagi sektor pekerjaan pula, ramai pelajar separuh masa ini adalah dari sektor swasta iaitu melebihi separuh dari jumlah responden (58.6%).

ANALISIS FAKTOR PEMATUHAN CUKAI

Kajian ini mengkaji faktor iaitu moral cukai, penguatkuasaan dan audit cukai serta peranan pihak berkuasa cukai boleh mempengaruhi pematuhan cukai dalam kalangan pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi.

ANALISIS KEBOLEHPERCAYAAN MENGGUNAKAN CRONBACH ALPHA (α)

Menurut kajian sebelumnya, semakin dekat nilai kebolehpercayaan kepada 1.0 adalah lebih baik; .Nilai dalam lingkungan 0.70 dianggap sebagai boleh diterima dan nilai kebolehpercayaan kurang daripada 0.60 dianggap rendah dan tidak boleh diterima (Sekaran et al. 2016).

JADUAL 2. Analisis kebolehpercayaan

Perkara	Bilangan item	*Cronbach's alpha*	Pekali laluan (*Path Cooeficient)*
Pembolehubah bergantung			
Pematuhan Cukai	3	0.801	-
Pembolehubah Bebas			
Moral Cukai	4	0.887	0.775
Peranan Pihak Berkuasa Cukai	2	0.667	-0.196
Penguatkuasaan & Audit Cukai	3	0.810	0.124

Nilai analisis kebolehpercayaan yang diukur menggunakan Cronbach's Alpha (α) berada dalam julat antara 0 dan 1. Nilai antara 0.50 hingga 0.59 dikategorikan sebagai lemah dan tidak memadai untuk kebolehpercayaan (George 2011). Dalam kajian ini, Cronbach's Alpha bagi keseluruhan pembolehubah adalah melebihi 0.60, dengan peranan pihak berkuasa cukai mencatatkan nilai 0.667, yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan pembolehubah yang boleh diterima untuk tujuan analisis.

KESAHAN KONVERGEN

Menurut Mutang et al. (2015), kesahan konvergen digunakan bagi menilai tahap korelasi antara dua komponen yang mengukur konsep yang sama atau berkaitan. Kesahan konvergen wujud apabila nilai korelasi antara faktor adalah tinggi iaitu kedua-dua faktor mengukur konsep yang sama. Beberapa langkah yang terdiri daripada seperti kebolehpercayaan gabungan (*composite reliability* (CR)) dan *average variance extracted* (AVE)) digunakan untuk menggambarkan kesahihan Jadual 3 mempamerkan skor kebolehpercayaan komposit. Ini menunjukkan sejauh mana indeks komposisi meramalkan komposisi yang berpotensi melebihi nilai yang disyorkan iaitu 0.7 (Hair et al. 2019). Menurut beliau, jumlah perbezaan antara data yang diberikan oleh konfigurasi tidak aktif diwakili oleh varians mean sampel, yang melebihi nilai yang diperlukan iaitu 0.5.

JADUAL 3. Kesahan konvergen

	Item	Pemuatan	Cronbach's alpha (α)	Composite reliability (CR)	Average variance extracted (AVE)
Pematuhan Cukai	PC1	0.778	0.801	0.882	0.715
	PC3	0.883			
	PC4	0.872			
Moral Cukai	MC1	0.874	0.887	0.922	0.749
	MC2	0.916			
	MC3	0.870			
	MC4	0.798			
Peranan Pihak Berkuasa Cukai	PPBC1	0.917	0.667	0.852	0.744
	PPBC4	0.804			
Penguatkuasaan dan Audit Cukai	PAC2	0.719	0.810	0.880	0.711
	PAC3	0.899			
	PAC4	0.899			

KESAHAN DISKRIMINASI

JADUAL 4. Kesahan diskriminasi berdasarkan kriteria HTMT

Pembolehubah	MC	PAC	PC	PPBC
Moral Cukai (MC)	X			
Penguatkuasaan dan Audit Cukai (PAC)	0.680	x		
Pematuhan Cukai (PC)	0.864	0.556	x	
Peranan Pihak Berkuasa Cukai (PPBC)	0.738	0.732	0.407	X

Dalam kajian ini, pengkaji menilai kesahihan diskriminant menggunakan nisbah *heterotrait-monotrait* (HTMT). Menurut Gold et al. (2001), skor HTMT yang lebih besar daripada 0.90 mungkin akan menimbulkan masalah dalam pengukuran kesahihan diskriminasi, namun begitu, semua nilai yang dilaporkan dalam Jadual 4 didapati lebih rendah daripada nilai yang disyorkan iaitu 0.90. Maka, boleh dikatakan wujud kesahihan diskriminasi dalam kajian ini.

REGRESI PELBAGAI

Bahagian ini akan menerangkan analisis regresi berganda dengan pembolehubah bersandar iaitu pematuhan cukai dan pembolehubah bebas pula adalah moral cukai, penguatkuasaan dan audit cukai serta peranan pihak berkuasa cukai. Analisis ini adalah untuk mengaitkan hubungan antara dua pembolehubah. Pelbagai regresi merupakan lanjutan daripada regresi linear yang mudah. Ianya digunakan sekiranya ingin meramalkan nilai pembolehubah berdasarkan nilai dua atau lebih pembolehubah lain.

Pengkaji telah menggunakan Model Struktur Awal dan diperiksa melalui *Smart PLS 4*. Peringkat seterusnya, ujian hipotesis dijalankan untuk mencapai objektif penyelidikan. *Smart PLS 4* menentukan nilai yang diperlukan untuk menganalisis *Path Coefficient, VIF, F Square* dan *R Square*. Isu *multicollinearity* adalah penting semasa peringkat awal penilaian model struktur. Pengkaji mengkaji faktor inflasi varians yang merupakan analisis yang ditunjukkan sebagai petunjuk yang lebih tinggi dan sebahagian daripada masalah yang berpotensi. Jadual 5 menunjukkan bahawa nilai VIF model adalah kurang daripada 2.0; iaitu 1.899 bagi moral cukai, peranan pihak berkuasa cukai ialah 1.615 dan akhir sekali penguatkuasaan dan audit cukai ialah 1.742. Nilai-nilai tersebut menunjukkan bahawa tiada isu yang multikolineariti yang signifikan dalam model ini.

JADUAL 5. Analisis model struktur awal

Pemboleh ubah	*Beta*	*VIF*	*F Square*	*R square*
Pematuhan cukai				0.571
Moral cukai	0.775	1.899	0.737	
Peranan pihak berkuasa cukai	-0.196	1.615	0.055	
Penguatkuasaan dan audit cukai	0.124	1.742	0.021	

Analisis kedua adalah untuk menilai Pekali Laluan (*Path Cooeffient*). Jadual 5 menunjukkan bahawa moral cukai dan peranan pihak berkuasa cukai mempengaruhi pematuhan cukai dalam kalangan pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi. Bermakna, apabila pematuhan tinggi, maka peranan pihak berkuasa cukai adalah rendah dan sebaliknya. Dan yang terakhir, penguatkuasaan dan audit cukai adalah 0.124 tidak mempengaruhi pematuhan cukai dalam kalangan pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi.

Analisis ketiga bertujuan untuk menilai F Square, iaitu satu ukuran yang berkaitan dengan kekuatan hubungan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bergantung dalam model kajian. F Square mengukur sejauh mana pembolehubah bebas menyumbang kepada perubahan dalam pembolehubah bergantung. Dalam analisis ini, nilai F Square bagi moral cukai adalah 0.737, yang menunjukkan bahawa terdapat kesedaran yang signifikan mengenai pematuhan cukai dalam kalangan pelajar sambilan, dan moral cukai memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pematuhan cukai. Sebaliknya, analisis data bagi peranan pihak berkuasa cukai dan audit mencatatkan nilai F Square sebanyak 0.055. Walaupun nilai ini lebih rendah, ia masih menunjukkan bahawa peranan audit pihak berkuasa cukai mempunyai sedikit pengaruh terhadap pematuhan cukai dalam kalangan pelajar sambilan. Namun, pengaruh ini tidak sebesar moral cukai. Akhir sekali, nilai F Square untuk penguatkuasaan dan audit cukai adalah 0.021, yang menunjukkan bahawa penguatkuasaan dan audit cukai mempunyai pengaruh yang sangat minimal terhadap pematuhan cukai dalam kalangan pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi. Ini menunjukkan bahawa faktor ini tidak memainkan peranan yang signifikan dalam menentukan tahap pematuhan cukai dalam konteks kajian ini.

JADUAL 6. Struktur model dan pengujian hipotesis

	Hipotesis	Sisihan piawai	Nilai t	Nilai p	Keputusan
H_1	MC -> PC	0.113	6.855	0.000*	Menyokong
H_2	PPBC -> PC	0.086	2.289	0.022**	Menyokong
H_3	PAC -> PC	0.091	1.370	0.171	Tidak menyokong

*Signifikan pada $p < 0.01$
**Signifikan pada $p < 0.05$

Jadual 6 menunjukkan struktur model dan pengujian hipotesis dari PLS yang merangkumi nilai t dan nilai p. Keputusan menunjukkan moral cukai mempunya nilai t=6.885 dan p=0.000 dilihat mempengaruhi pematuhan cukai dalam kalangan pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi. Faktor peranan pihak berkuasa cukai yang mempunyai nilai t=2.289 dan p=0.022 juga mempengaruhi pematuhan cukai dikalangan pelajar sambilan tersebut. Kajian ini juga membuktikan penguatkuasaan dan audit cukai tidak memberikan pengaruh secara signifikan terhadap pematuhan cukai dalam kalangan pelajar sambilan institusi pengajian tinggi.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kajian ini menyiasat faktor-faktor yang mempengaruhi pematuhan cukai dalam kalangan pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Masalah utama yang diketengahkan adalah tahap pematuhan cukai yang rendah dalam kalangan pelajar sambilan yang bekerja, yang mungkin disebabkan oleh kurangnya kesedaran dan pengetahuan mengenai tanggungjawab cukai. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif, di mana borang soal selidik berstruktur telah diedarkan kepada 384 pelajar sambilan di pelbagai institusi pengajian tinggi. Data akhir sebanyak 116 yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian SPSS dan Smart PLS untuk menguji hipotesis mengenai hubungan antara pembolehubah bebas (moral cukai, peranan pihak berkuasa cukai, penguatkuasaan dan audit cukai) dan pembolehubah bergantung (pematuhan cukai).

Secara keseluruhan, dua daripada tiga hipotesis yang dicadangkan disokong oleh kajian ini. Data yang dikutip dari responden telah dianalisa dengan menggunakan Smart PLS 4.0. yang memerlukan Analisa Pengukuran dan Analisa Berstuktur. Penemuan dari analisa telah mendedahkan bahawa moral cukai dan peranan pihak berkuasa cukai mempengaruhi pematuhan cukai secara signifikan terhadap pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi. Moral cukai dan peranan pihak berkuasa cukai mempunyai hubungan yang signifikan ke atas pematuhan cukai. Hubungan negatif wujud untuk faktor peranan pihak berkuasa cukai ke atas pematuhan cukai mungkin disebabkan oleh pelajar yang tidak merasai aktiviti-aktiviti percukaian yang disediakan oleh pihak LHDN atau pelajar sambilan ini merasakan mereka tidak dekat dengan LHDN. Sementara itu, penguatkuasaan dan audit cukai tidak mempengaruhi secara langsung pematuhan cukai di kalangan pelajar sambilan dengan ketara.

Penemuan kajian di atas juga menjawab objektif kajian yang mengkaji faktor yang mempengaruhi pematuhan cukai dalam kalangan pelajar sambilan di universiti di Malaysia dengan dua hipothesis disokong sepenuhnya. Kajian ini memberikan keputusan yang sama seperti kajian oleh Ghani et al. (2020) untuk moral cukai (H_1). Penemuan bagi H_2 pula berkait dengan Teori Peraturan Berasaskan Tindakbalas yang diperkenalkan oleh Braithwaite (2011) dimana secara umumnya pembayar cukai lebih menyukai faktor-faktor yang lebih lembut seperti moral cukai berbanding kekerasan seperti penguatkuasaan dan audit yang tidak digemari oleh mereka. Teori ini mempunyai pelbagai faktor yang boleh dikaji namun banyak kajian lepas mengatakan bahawa pembayar cukai tidak gemar akan faktor yang memaksa mereka untuk membayar cukai seperti audit dan denda atau penalti oleh pihak berkuasa atau LHDN. Oleh kerana itu, tidak banyak kajian yang melaporkan hubungan yang baik antara faktor ini ke atas pematuhan cukai. Hasil kajian oleh Sanusi (2018) juga mendapati audit adalah faktor yang tidak digemari oleh pihak pembayar cukai syarikat apabila ia melibatkan cukai barangan dan jualan.

Walaubagaimanapun, pihak berkuasa cukai juga memainkan peranan untuk mendekati pembayar cukai dan memberikan kesedaran betapa pentingnya sumbangan pembayar cukai untuk pembangunan negara di masa akan datang. Pihak LHDN boleh menggunakan kajian ini dengan mengetahui faktor-faktor yang memberi kesedaran kepada pembayar cukai terutamanya pembayar cukai yang belajar secara sambilan untuk meningkatkan kesedaran mereka tentang peranan mereka sebagai pembayar cukai.

Penemuan ini juga menyumbang kepada rangka kerja teori yang menggunakan Teori Peraturan Berasaskan Tindakbalas yang pembayar cukai lebih menggemari kaedah lembut bagi mereka mematuhi peraturan cukai. Ia juga menggunakan reponden yang berlainan daripada kajian terdahulu yang menyumbang kepada kajian berkenaan pematuhan cukai di Malaysia. Kajian lanjut boleh dilakukan bagi mengukur kepatuhan cukai dalam kalangan pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi di Malaysia berdasarkan faktor pengetahuan dan kesedaran cukai serta lain-lain faktor yang berkaitan.

Kajian ini memberikan impak yang signifikan kepada beberapa pihak berkepentingan, khususnya pihak berkuasa cukai, pembuat dasar, institusi pengajian tinggi, dan masyarakat awam. Bagi pihak berkuasa cukai, hasil kajian ini dapat digunakan untuk memperbaiki strategi pematuhan cukai, terutama dalam merangka kempen kesedaran dan program pendidikan cukai yang lebih berfokus kepada pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi. Ini akan membantu meningkatkan tahap pematuhan cukai dan mengurangkan kes pengelakan cukai. Pembuat dasar pula boleh menggunakan dapatan kajian ini sebagai input penting dalam merangka polisi yang lebih berkesan dan adil. Dengan memahami peranan faktor seperti moral cukai dan peranan pihak berkuasa cukai, pembuat dasar dapat mengembangkan undang-undang yang lebih seimbang dan relevan dengan golongan muda. Selain itu, institusi pengajian tinggi juga boleh mengambil manfaat daripada kajian ini dengan memperkenalkan kurikulum pendidikan cukai yang lebih komprehensif. Ini akan memupuk kesedaran awal tentang pentingnya pematuhan cukai dalam kalangan pelajar, seterusnya membentuk generasi pembayar cukai yang lebih bertanggungjawab. Di peringkat masyarakat awam, terutamanya golongan muda, kajian ini dapat meningkatkan pemahaman mereka mengenai tanggungjawab sebagai pembayar cukai. Dengan kesedaran yang lebih tinggi, pematuhan cukai secara sukarela dijangka akan meningkat, dan ini dapat mengurangkan ketidakpatuhan yang sering berpunca daripada kekurangan pengetahuan.

Walaupun kajian ini mempunyai banyak kelebihan, terdapat beberapa limitasi yang perlu diambil kira. Sampel kajian yang terhad kepada pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi tertentu sahaja mungkin tidak

mencerminkan keseluruhan populasi pelajar sambilan di Malaysia. Oleh itu, generalisasi hasil kajian ini mungkin tidak sepenuhnya tepat. Tempoh pengumpulan data yang singkat juga merupakan kekangan, kerana masa yang terhad mungkin tidak memberikan gambaran yang sepenuhnya tepat mengenai tingkah laku pematuhan cukai, terutamanya jika berlaku perubahan tingkah laku dalam jangka masa panjang. Akses terhad kepada responden juga merupakan cabaran, kerana pelajar sambilan yang terlibat dalam kajian ini mungkin menghadapi kesukaran untuk memberikan respons yang lengkap akibat komitmen kerja dan pengajian mereka.

Namun demikian, kajian ini tetap memberikan pemahaman yang jelas, lengkap, dan komprehensif mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pematuhan cukai dalam kalangan pelajar sambilan di institusi pengajian tinggi. Input yang diperoleh daripada kajian ini adalah sangat berharga dan signifikan kepada pihak berkuasa cukai dan pembuat dasar untuk menilai serta membuat penambahbaikan yang diperlukan dalam usaha meningkatkan pematuhan cukai.

PENGHARGAAN

Penulisan ini disokong oleh Kementerian Pendidikan Tinggi bagi Geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) – dengan nombor rujukan FRGS/1/2023/SS01/UKM/02/1.

RUJUKAN

Abu Hassan, N.S., Palil, M.R., Ramli, R. & Maelah, R. 2023. Meningkatkan moral cukai melalui penerapan elemen ganjaran cukai. *Asian Journal of Accounting & Governance* 20: 1-16.

Ahmad, K.A.B.K., Hassan, R.B. & Mohamad, S.B. 2021. Hubungan faktor pengetahuan, kesedaran dan keadilan terhadap gelagat pematuhan cukai dalam kalangan pensyarah Politeknik Malaysia. *International Conference on Business Studies and Education*

Akumbo, S., Mbilla, S., Abiire, A., Atindaana, P., Ayimpoya, R. & Ghana, I. 2020. Tax education and tax compliance in Ghana. *Researchjournali's Journal of Accounting* 8(1): 1-22.

Alm, J. & Kasper, M. 2023. Using behavioural economics to understand tax compliance. *Economic and Political Studies* 11(3): 279-294.

Anto, L., Husin, H., Hamid, W. & Bulan, N. 2021. Taxpayer awareness, tac knowledge, tac sanctions, public service account ability and taxpayer compliance. *Accounting* 7(1): 49-58.

Azmi, N., Tarmuji, I., Abd Hamid, N., Rasit, Z. & Rashid, N. 2020. Tax compliance motives among grab car drivers in Malaysia. *Journal of Critical Reviews* 7(11): 445-451.

Barak-Corren, N. & Kariv-Teitelbaum, Y. 2021. Behavioral responsive regulation: Bringing together responsive regulation and behavioral public policy. *Regulation & Governance* 15: 163-182.

Batrancea, L., Nichita, A., Olsen, J., Kogler, C., Kirchler, E., Hoelzl, E., Weiss, A., Torgler, B., Fooken, J. & Fuller, J. 2019. Trust and power as determinants of tax compliance across 44 nations. *Journal of Economic Psychology* 74.

Braithwaite, V. 2017. *Taxing Democracy: Understanding Tax Avoidance and Evasion*. Routledge.

Braithwaite, V.A. 2009. *Defiance in Taxation and Governance: Resisting and Dismissing Authority in a Democracy*. Edward Elgar Publishing.

De Neve, J.-E., Imbert, C., Spinnewijn, J., Tsankova, T. & Luts, M. 2021. How to improve tax compliance? Evidence from population-wide experiments in Belgium. *Journal of Political Economy* 129(5): 1425-1463.

Faizal, S.M., Palil, M.R., Maelah, R. & Ramli, R. 2017. Perception on justice, trust and tax compliance behavior in Malaysia. *Kasetsart Journal of Social Sciences* 38(3): 226-232.

Gangl, K., Hofmann, E., Hartl, B. & Kirchler, E. 2016. Power of authorities and trust in authorities determine the interaction climate and tax compliance. *Contemporary Issues in Tax Research* 2: 87-102.

Gangl, K., Hofmann, E. & Kirchler, E. 2015. Tax authorities' interaction with taxpayers: A conception of compliance in social dilemmas by power and trust. *New ideas in psychology* 37: 13-23.

George, D. 2011. *SPSS for windows step by step: A simple study guide and reference, 17.0 update, 10/e*. Pearson Education India.

Ghani, H.H.A., Abd Hamid, N., Sanusi, S. & Shamsuddin, R. 2020. The effect of tax knowledge, compliance costs, complexity and morale towards tax compliance among self-employed in Malaysia. *Global Business and Management Research* 12(1): 18-32.

Gold, A.H., Malhotra, A. & Segars, A.H. 2001. Knowledge management: An organizational capabilities perspective. *Journal of management information systems* 18(1): 185-214.

Gorton, D. 2023. Taxes Definition: Types, Who Pays, and Why. In: Dostupno na: https://www. investopedia. com/terms/t/taxes. asp [pristupljeno ….

Hair, J.F., Sarstedt, M. & Ringle, C.M. 2019. Rethinking some of the rethinking of partial least squares. *European Journal of Marketing* 53(4): 566-584.

Hamid, N.A., Ismail, I.S., Yunus, N., Jali, M.N. & Rosly, A.S. 2022. Taxpayer Perceptions of tax awareness, tax education, and tax complexity among small and medium enterprises in Malaysia: A quadrant analysis approach. *Universal Journal of Accounting and Finance* 10(1): 231-242.

Hashim, N.H., Hamid, N.A., Sanusi, S. & Mohammed, N.F. 2022. The impact of e-filing usage on the job performance of tax agents in Malaysia. *International Journal of Business and Emerging Markets* 14(1): 63-85.

Hassan, N., Nawawi, A. & Puteh Salin, A.S.A. 2016. Improving tax compliance via tax education-Malaysian experience. *Management & Accounting Review* 15(2): 1-20.

Hassan, N., Palil, M.R., Ramli, R. & Maelah, R. 2021. Does compliance strategy increase compliance? Evidence from Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance* 15: 1-14.

Hayat, N., Salameh, A.A., Mamun, A.A., Helmi Ali, M. & Makhbul, Z.K.M. 2022. Tax compliance behavior among Malaysian taxpayers: A dual-stage pls-sem and ann analysis. *Sage Open* 12(3).

Hyun, J.K. & Lim, B.-I. 2005. The financial crisis and income distribution in Korea: The role of income tax policy. *The Journal of the Korean Economy* 6(1): 51-65.

James, A., Brian, E. & Jonathan, F. 1998. Tax compliance. *Journal of Economic Literature* 36(2): 818-860.

Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement* 30(3): 607-610.

Kusuma, H. & Azzakhusna, F. 2019. Tax awareness and compliance: An empirical study on small and medium-sized enterprises (SMEs). *International Journal of Managerial Studies and Research* 7(10): 8-17.

Lisi, G. 2015. Tax morale, tax compliance and the optimal tax policy. *Economic Analysis and Policy* 45: 27-32.

Luttmer, E.F. & Singhal, M. 2014. Tax morale. *Journal of economic perspectives* 28(4): 149-168.

Manual, V. & Xin, A.Z. 2016. Impact of tax knowledge, tax compliance cost, tax deterrent tax measures towards tax compliance behavior: A survey on self-employed taxpayers in West Malaysia. *Electronic Journal of Business and Management* 1(1): 56-70.

Martinez, A.L. & F Pereira, I.R. 2021. Tax morale as perceived by accounting professionals. *Advances in Scientific and Applied Accounting* 14(3): 216-230

Mohamad, A., Radzuan, N. & Hamid, Z. 2017. Tax arrears amongst individual income taxpayers in Malaysia. *Journal of Financial Crime* 24(1): 17-34.

Mohd Isa, K. 2012. *Corporate Taxpayers' Compliance Variables under the Self-Assessment System in Malaysia: A Mixed Method Approach*. Curtin University.

Mukhlis, I., Utomo, S.H. & Soesetio, Y. 2015. The role of taxation education on taxation knowledge and its effect on tax fairness as well as tax compliance on handicraft SMEs sectors in Indonesia. *International Journal of financial research* 6(4): 161-169.

Musau, N. 2015. *Determinants of Tax Compliance Among Small and Medium Enterprises in Kenya: A Case of Nairobi County.* University of Nairobi.

Mutang, J.A., Madlan, L., Bahari, & S, F.C.B. 2015. *Analisis Faktor, Kesahan dan Keboleh Percayaan Instrumen.* Malaysia, Inventori Stereotaip Multietnik.

Muzamir, M.Y. (2023, May 3). Hasil cukai RM70bilion lesap akibat ekonomi bayangan. *Berita Harian. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1096443/hasil-cukai-rm70-bilion-lesap-akibat-ekonomi-bayangan*

Obongo, B.M. 2020. *Determinants of Tax Compliance among Export Processing Zones Investors in Kenya*. JKUAT-COHRED.

Okanga, O.O. 2020. Trust and efficiency in tax administration: The silent role of policy-based legitimate expectation in Nigeria. *Journal of Tax Administration (2020-Forthcoming)* 6(20): 122-147.

Oladipupo, A.O. & Obazee, U. 2016. Tax knowledge, penalties and tax compliance in small and medium scale enterprises in Nigeria. *IBusiness* 8(1): 1-9.

Palil, M.R., Hamid, M.A. & Hanafiah, M.H. 2013. Taxpayers compliance behaviour: Economic factors approach. *Jurnal Pengurusan* 38: 75-85.

Rahayu, Y.N., Setiawan, M. & Troena, E.A. 2017. The role of taxpayer awareness, tax regulation and understanding in taxpayer compliance. *Journal of Accounting and Taxation* 9(10): 139-146.

Rantelangi, C. & Majid, N. 2018. Factors that influence the taxpayers' perception on the tax evasion. In *Advances in Economics, Business and Management Research (AEBMR), 35 (Miceb 2017)*, 219–225.

Rasoolimanesh, S.M. 2022. Discriminant validity assessment in PLS-SEM: A comprehensive composite-based approach. *Data Analysis Perspectives Journal* 3(2): 1-8.

Sanusi, S., Abdullah, N., Chin, L., Rastam, F. & Rozzani, N. 2021. Tax awareness among students from higher learning institutions in Malaysia: Education area as a moderator. *International Journal of Economics and Management* 15(1): 89-102.

Sanusi, S., Firdaus, A., Noor, R., Omar, N. & M. Sanusi, Z. 2018. Technology on Goods and Services Tax compliance among small-medium enterprises in developing countries. *Advanced Science Letters* 24: 5461-5465.

Schmölders, G. 1960. Das Irrationale in der öffentlichen Finanzwirtschaft [The irrational in public finance]. *Frankfurt am Main, Germany: Suhrkamp*.
Sebele-Mpofu, F.Y. 2020. Governance quality and tax morale and compliance in Zimbabwe's informal sector. *Cogent Business & Management* 7(1).
Sekaran, U. & Bougie, R. 2016. *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. John Wiley & Sons.
Tehulu, T.A. & Dinberu, Y.D. 2014. Determinants of tax compliance behavior in Ethiopia: The case of Bahir Dar city taxpayers. *Journal of Economics and Sustainable Development* 5(15): 268-280.
Tilahun, M. 2019. Determinants of tax compliance: A systematic review. *Economics* 8(1): 1-7.

Faizah Mahat
Lembaga Kejuruteraan Malaysia
Tingkat 9 Kelana Park View Tower
47301 Petaling Jaya, Selangor, MALAYSIA.
E-mel: faizah@bem.org.my

Soliha Sanusi*
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mel: solihasanusi@ukm.edu.my

Rozana Saedon
Unit Audit Dalam
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok, Kelantan, MALAYSIA.
E-mel: rozana@umk.edu.my

Aziatul Waznah Ghazali
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mel: aziatul.ghazali@ukm.edu.my

* Penulis koresponden